



*Memo*

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPS/UPSM/A/0047  
**Tarikh** : 30 April 2013

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 14 TAHUN 2013**

Y. Bhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Kerajaan Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012 telah mewujudkan penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C) sebagai satu lagi bentuk pengiktirafan terhadap pegawai perkhidmatan awam. P.P.C merupakan pingat bagi pegawai yang menunjukkan **kecemerlangan dalam tugas** yang diamanahkan serta aktif dalam **penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi** termasuk aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan sebagainya yang boleh mengharumkan nama organisasi dan Negara.

Sehubungan itu, warga LGM yang berjawatan tetap dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya genap 5 tahun perkhidmatan dipelawa memohon untuk dipertimbang penganugerahan P.P.C. Bersama-sama ini disertakan *slide presentation* mengenai P.P.C dan borang penilaian. Borang penilaian hendaklah dihantar melalui Ketua Unit/Pengarah Bahagian. Sila sertakan juga sijil penyertaan aktiviti, surat pelantikan Jawatankuasa dan sebagainya bagi menyokong/sebagai bukti bagi aktiviti/program yang telah disertai.

Permohonan hendaklah sampai di Pejabat Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia selewat-lewatnya pada **10 Mei 2013 (Jumaat)**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(SHAHRIR BIN MOHD SALLEH)